

Ahad, 21 Jun 2020 | 3:47pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi (tiga dari kanan) bersama Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad (kanan) dan Pengarah Urusan Syarikat Prifaria Sdn Bhd (PSB), Datuk Wan Ahmad Azmi Wan Daud (dua dari kanan) ketika hadir dalam lawatan kerja ke sebuah syarikat logistik pengangkutan di PSB, Jalan Permatang Nibong di sini, hari ini. - Foto NSTP/Daniel Saad

Lebih 90 peratus premis dandanan, gunting rambut patuh SOP

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

BUKIT MERTAJAM: Tahap pematuhan prosedur operasi standard (SOP) di kedai dandanan dan gunting rambut seluruh negara melebihi 90 peratus selepas perniagaan itu dibenarkan beroperasi sejak Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dikuatkuasakan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya sentiasa melakukan pemeriksaan ke premis dandanan dan gunting rambut dari semasa ke semasa melalui Ops Catut 7.0 yang dilaksanakan.

"Walaupun tiada aduan diterima, penguat kuasa kita sentiasa mengadakan pemantauan dan pemeriksaan untuk melihat pematuhan SOP serta harga perkhidmatan yang ditawarkan.

"Setakat ini, lebih 90 peratus kedai dandanan dan gunting rambut mematuhi SOP yang ditetapkan, bahkan pelanggan juga dilihat sudah membiasakan diri dengan keadaan normal baharu," katanya selepas melawat Syarikat Prifaria Distribution Haulage Cawangan Prai dekat Jalan Permatang Nibong, di sini, hari ini.

Sebelum itu, beliau turut melawat Syarikat Heap Lee Chan Sdn Bhd iaitu pemborong barangan runcit seperti bawang, cili kering dan ubi kentang.

Hingga kini 551 premis dandanan dan gunting rambut di seluruh negara diperiksa penguat kuasa KPDNHEP.

"Melalui pemeriksaan itu, 788 notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 serta 17 notis amaran dikeluarkan kepada pengusaha dandanan dan kedai gunting rambut," katanya sambil menambah setakat ini tiada premis dandanan dan gunting rambut diarahkan tutup kerana tidak mematuhi SOP.

Sementara itu, Nanta berkata, beliau akan mengadakan pertemuan dengan persatuan penternak ayam di pejabatnya esok.

"Dalam pertemuan itu antara intipati yang akan dibincangkan adalah berkaitan bekalan dan harga ayam yang mula naik di pasaran," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/702631/lebih-90-peratus-premis-dandanan-gunting-rambut-patuh-sop>